


Sabtu – 17 Oktober 2020

Halaman : 10



GURU SK Balar redah jalan berlumpur untuk ke sekolah.

**Gua Musang:** Bukan sebarang guru mampu tabah dan sanggup mengharungi laluan balak yang berlumpur untuk ke sekolah bagi mendidik murid Orang Asli.

Jika ada, mereka lah wira seperti 30 pendidik di Sekolah Kebangsaan (SK) Balar dan SK Bihai ini yang cekal mengharungi pelbagai cabaran demi tanggungjawab mendidik anak bangsa di kawasan pedalaman.

Pegawai Pelajaran Daerah

Gua Musang, Azuri Hamzah berkata, kesediaan guru itu untuk bertugas di sekolah sangat dihargai dan pengorbanan mereka tidak ternilai.

“Jalan balak ke sekolah berkenaan dari bandar ini berlumpur sepanjang tahun, tetapi mereka ini tabah menghadapinya.

“Adakalanya 16 guru SK Balar dan 14 Guru SK Bihai terpaksa korban tenaga dan masa untuk bergotong-royong, membaiki sendiri ja-

lan yang rosak.

“Penghargaan buat guru kita yang terus cekal menghadapi cabaran ini terutama menjelang musim tengkujuh,” katanya.

Beliau mengulas mengenai kerosakan jalan ke SK Balar dan SK Bihai hingga guru terpaksa meredah lumpur.

Azuri berkata, masalah itu bukan baharu buat guru yang bertugas di sekolah pedalaman dan ada antara mereka pernah bermalam di

hutan apabila terperangkap dalam hujan lebat serta tanah runtuh.

“Saya sendiri sudah beberapa kali bersama guru sekolah berkenaan melalui jalan berlumpur untuk ke sekolah itu,” katanya yang memberitahu laluan ke SK Tohoi juga berhadapan masalah sama.

Katanya, jalan rosak dan jambatan runtuh di SK Tohoi dibaiki syarikat pembalakan dan kini boleh dilalui.

## *Ada cikgu bermalam dalam hutan!*